

Kalau rasa tak selamat, jangan naik

Rakyat ada pilihan sekiranya bimbang keselamatan menaiki Gojek

NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Rakyat masih mempunyai pilihan lain sekiranya bimbang dengan keselamatan diri apabila menggunakan perkhidmatan teksi motosikal atau Gojek.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

berkata, kerajaan tidak memaksa rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam terbaharu yang bakal diperkenalkan itu.

“Kalau rasa tak selamat, jangan naik. Anda ada pilihan, kita tak paksa gunakan teksi motosikal,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Pegawai-Pegawai Kerajaan di Putrajaya di sini semalam. Beliau

berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kebimbangan ramai berhubung keselamatan apabila menggunakan teksi motosikal itu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, pelaksanaan perkhidmatan Gojek juga dilihat dapat membantu pengusaha tempatan

yang menjalankan perniagaan kecil.

“Jika Gojek datang ke sini, ia akan memberi manfaat kepada peniaga kecil,” katanya.

Ketika ditanya mengenai bantahan ramai pihak terhadap pelaksanaan teksi motosikal berkenaan, Dr Mahathir menjelaskan, adalah menjadi perkara biasa ada pihak yang tidak bersetuju.

“Iyalah, ada yang tak puas hati. Sesetengah pihak akan menentang tetapi kita mahu tahu ia memberi manfaat kepada negara atau sebaliknya,” katanya.



DR MAHATHIR